

Masyarakat Islam Sarawak: Makanan Halal dan Kefahaman

Hj. Ahmad Nasir Mohd Yusoff¹

Abstract

This research focuses on the sensitivities of Muslims in Sarawak towards the choice of halal food in their daily lives. Although they know the basic principles related to halal, haram or syubhah food, there are some who still have little concern on halal, haram or syubhah food. Furthermore in Sarawak, Muslim visitors, especially first time visitors from the Peninsular of Malaysia who come on business or social visits face a challenge in identifying convincing food premises that offer halal food. The author will investigate the depth of Muslims in Sarawak's understanding of the concept of halal food in Islam, sensitivities towards adoption of halal food, the status of food premises in Hotels, other food premises and restaurants, food products, premises that sell halal food, centers for the slaughters of animals as well as the roles of Islamic Religious Department of Sarawak (JAIS) in addressing this issue. This is a quantitative research, with questionnaires distributed as the instrument of study. A total of 150 respondents from various educational backgrounds, ethnicities, age and occupations were selected by random sampling to represent the population of the study. A set of questionnaires that include 30 items were distributed to the respondents. Findings were analyzed descriptively using the Statistical Package for Social Science 20.1 for Windows. In general, the analysis expected to receive positive feedbacks from the respondents in aspects including the level of sensitivities towards choosing halal food, and not to be manipulated by food operators who put profits before the qualities of products they offer.

Keywords - Food, Halal, Sensitivity, Society, Islam, Sarawak.

Abstrak

Penyelidikan ini memfokuskan kepada sensitiviti masyarakat Islam Sarawak terhadap pemilihan makanan halal dalam kehidupan seharian. Meskipun masyarakat Islam Sarawak mengetahui prinsip asas berkaitan makanan yang halal atau haram atau syubhah tetapi ada sebahagian yang masih kurang prihatin atau mengambil berat terhadap pemakananan halal, haram atau syubhah. Tambahan pula di Sarawak, amat sukar untuk pengunjung-pengunjung Islam yang baharu menjejak kaji di

¹ PhD, Senior Lecturer Department of Government and Civilization Studies, Faculty of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia

bumi Sarawak mengenalpasti premis makanan yang benar-benar menyakinkan pengguna Islam, lebih-lebih lagi mereka yang datang dari Semenanjung sama ada atas urusan kerja atau lawatan sosial. Penulisan ini akan mengenalpasti sejauhmana kefahaman masyarakat Islam Sarawak terhadap konsep pemakanan halal dalam Islam, sensitiviti terhadap pemilihan makanan halal, status premis makanan Hotel, premis makanan, restoran, produk makanan, premis jualan produk halal, pusat-pusat sembelihan dan sumber yang diambil serta peranan Jabatan Agama Islam (JAIS) Sarawak dalam menangani isu ini. Penyelidikan ini dilakukan secara kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Seramai 150 orang daripada pelbagai latar belakang pendidikan, etnik, usia dan pekerjaan telah dipilih secara rawak mudah untuk mewakili populasi kajian. Set soal selidik mengandungi 30 item diedarkan kepada responden. Ia dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai bilangan dan peratusan dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science 20.1 for Windows*. Secara keseluruhan, analisis ini diharap mendapat maklumbalas positif daripada responden terhadap tahap sensitiviti mereka berkaitan aspek pemilihan makanan halal ini, disamping mendapat keberkatan serta tidak dipermainkan oleh pengusaha-pengusaha makanan yang mengambil jalan mudah untuk melariskan perniagaan mereka.

Kata Kunci - Makanan, Halal, Sensitiviti, Masyarakat, Islam, Sarawak.

Pemakanan Halal

Pengambilan dan pemilihan makanan halal serta rasa sensitiviti perlu ada pada setiap jiwa pengguna Islam dan sentiasa berhati-hati dalam mengisi anggota perut agar tidak dicemari atau bercampur aduk antara makanan halal dan haram. Masyarakat Islam perlu berdisiplin dalam melihat premis-premis yang menyediakan makanan sama ada atas nama hotel, restoran, kedai makanan, medan selera, kantin, *one stop point*, pasaraya, gerai-gerai pasar malam, dan pelbagai nama lagi, memastikan pengeluar makanan tersebut menyediakan makanan yang halal, sensitif dengan keperluan makanan orang Islam dari segi hukum syarak, berwaspada dengan pemalsuan bahan mentah atau dokumen halal yang dikeluarkan oleh KPDNKK (Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan). Al Quran dan hadis banyak menjelaskan perbincangan ulama silam dan terkini yang sering mengingatkan masyarakat Islam sentiasa peka, bersifat warak iaitu berhati-hati dalam pemilihan makanan serta perlu ada rasa sensitif dalam diri agar jiwa sentiasa bersih seperti maksud firman Allah swt dalam surah al Baqarah 2:168 yang berbunyi :

“Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu.”

Penekanan pemilihan makanan halal ini bukan perkara yang boleh dipandang remeh kerana ia melibatkan hak pengguna dan sensitiviti masyarakat Islam. Beberapa undang-undang dan akta telah diperkenalkan pihak kerajaan dan ada yang dipinda mengikut keperluan dan kehendak semasa bagi merealisasikan penguatkuasaan halal terutama di premis-premis bukan Islam bagi menghilangkan keraguan serta menjaga kebersihan dan hubungan antara kaum majmuk di Malaysia. Antaranya :

1. *Pekeliling Pensijilan Halal Malaysia Bil.1/2011*
2. *Undang-Undang Malaysia, Akta 730, Akta Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 merangkumi (Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Peraturan-Peraturan Dagangan (F1 Perakuan dan Penandaan Halal) 2011*
3. *Akta Perihal Dagangan 1972 dan Perintah-Perintah Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975*
4. *Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 berhubung dengan Label, Kebersihan dan Keselamatan Makanan Mengikut Garispanduan KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia)*
5. *Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Akta Rumah Sembelihan (Pengswastaan) 1993 dan Animal Rules 1962, Animal (Importation Order 1962) dan Kawalan Penyakit oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)*
6. *Akta Kastam 1967 berkaitan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1998 mengenai Import Daging Halal oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997) Berkaitan Penandaan Makanan Halal oleh Jabatan Agama Islam Negeri*
7. *Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan*
8. *Akta Cap Dagangan 1976 oleh KPDNKK*

Permasalahan Kajian

Pada masa kini terutama di Sarawak, terdapat sebilangan besar pengusaha makanan terdiri daripada bukan Islam yang menjadikan proses pembuatan makanan amat meragukan dari segi hukum syarak. Pengusaha bukan Islam pula terdiri daripada golongan majoriti. Tambahan lagi, masyarakat Islam Sarawak masih perlu dibantu dalam usaha melatih pengusaha Islam menjadi mahir dan berupaya menghasilkan produk makanan yang halal, berkualiti dan bersih atau 'halalan

tayyiban'. Oleh itu, penulisan ini amat perlu untuk melihat sensitiviti warga Islam Sarawak terhadap pemilihan makanan halal dalam kehidupan seharian mereka. Disamping mengenal pasti tahap pengetahuan pengguna Islam Sarawak dalam memilih pusat-pusat jualan halal dan premis sembelihan yang tidak meragukan.

Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menentukan pemilihan makanan halal dalam kehidupan seharian serta rasa sensitiviti oleh masyarakat Islam Sarawak.

Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai objektif khusus antaranya:

Mengenalpasti tahap kefahaman masyarakat Islam Sarawak terhadap konsep halal dalam Islam

Mengenalpasti sensitiviti masyarakat Islam Sarawak terhadap pemilihan makanan halal

Mengenalpasti tahap kesedaran masyarakat Islam Sarawak dalam aspek pemilihan premis makanan, produk makanan, produk halal dan pusat-pusat sembelihan

Meneliti peranan Jabatan Agama Islam (JAKIM) Sarawak dalam isu pemilihan makanan halal dan logo halal di premis jualan.

Kepentingan Kajian

Penulisan ini merangkumi isu-isu berkaitan dengan kefahaman masyarakat Islam Sarawak terhadap konsep pemakanan halal Islam, pemilihan makanan halal, status premis makanan hotel, premis makanan restoran, produk makanan, premis jualan produk halal, pusat-pusat sembelihan dan sumber yang diambil dan peranan Jabatan Agama Islam (JAKIM) Sarawak. Secara khususnya penulisan ini adalah untuk mengetahui persepsi dan kefahaman masyarakat Islam Sarawak terhadap sumber pemakanan halal dan memastikan pengambilan yang baik dan bersih. Sewajarnya dari awal lagi masyarakat Islam perlu peka dengan makanan yang diambil kerana ia akan menjadi darah daging serta berkait rapat dengan perkembangan akal fikiran. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak bertanggungjawab seperti JAKIM dan JAKIM Cawangan Sarawak dalam usaha memantau serta menghilangkan keraguan masyarakat awam, mengeluarkan sijil halal, menghapuskan sijil halal palsu dan tiada kareh birokrasi dalam meluluskan sijil halal serta memastikan peniaga bukan Islam menghormati keperluan rakan Islam

mereka yang bukan sahaja tumpuan kepada aspek kebersihan tetapi mematuhi tahap serta proses halal terutama berkaitan dengan penyembelihan haiwan.

Skop dan Batasan Kajian

Penulisan ini merupakan kajian rintis bagi mengetahui sensitiviti masyarakat Islam Sarawak dalam memilih makanan halal sama ada mereka memahami atau tidak definisi 'halal' dan 'bersih' menurut garis panduan JAKIM, menentu dan memilih hanya makanan yang dikategorikan halal dalam kehidupan harian, memilih premis yang mendapat kelulusan halal JAKIM serta melihat sejauhmana peranan yang dimainkan pihak JAIS Sarawak. Bilangan sampel adalah 150 orang warga Islam Sarawak di sekitar Kuching dan Bintulu. Manakala golongan sasaran utama terdiri daripada pengguna-pengguna Islam yang bekerja di pelbagai sektor pekerjaan sama ada sektor kerajaan, swasta, persendirian yang memiliki perniagaan sendiri kerana faktor 'kuasa beli' dan memiliki pendapatan tetap dan memiliki latar belakang pendidikan, perkahwinan, isi rumah, usia dan gred jawatan.

Latar Belakang Responden

Keseluruhan responden yang mengisi borang soal selidik ini adalah seratus peratus beragama Islam. Ia terdiri daripada sektor utama bidang pekerjaan iaitu kerajaan, swasta dan bekerja sendiri. Sebanyak 150 keping borang soal selidik yang diedarkan dan berjaya menerima balik 74 borang soal selidik. Ia terdiri daripada 29 responden lelaki yang mewakili 39.2% dan 45 orang responden perempuan yang mewakili 60.8%. Didapati responden yang berusia 20 tahun ke bawah adalah seramai 37 orang. Ia mewakili 50.0% daripada responden yang disoalselidik. Bagi umur 4- hingga 49 tahun seramai 5 orang responden telah ditemubual dan mewakili sebanyak 6.8.0%. responden yang berusia antara 21 hingga 29 tahun ialah seramai 15 orang dan mewakili sebanyak 20.3%. responden yang berusia antara 30 hingga 39 tahun ialah seramai 15 orang juga mewakili 20.3%. Manakala yang berusia 50 tahun ke atas ialah seramai 2 orang yang mewakili 2.7%.

Didapati 5 daripada 69 responden atau 6.8% terdiri daripada mereka yang masih belajar. Manakala seramai 64 orang atau 86.48% responden adalah kaki tangan kerajaan dan bekerja di sektor akademik sama ada sebagai pensyarah, guru atau motivator. Baki lagi seramai 5 orang responden mewakili 6.8% yang bekerja di bahagian pentadbiran. Didapati 26 daripada 74 responden atau 35.1% terdiri daripada mereka yang bekerja sendiri. Ini menunjukkan masyarakat Bintulu banyak terlibat dalam kerja-kerja persendirian sama ada sebagai peniaga, usahawan, pekebun, peladang dan nelayan. Sebanyak 35 orang mewakili 47.3% bekerja dengan kerajaan

Didapati seramai 39 orang responden yang bekerja tetap, lain-lain 22 orang atau 29.7% dan 12 orang atau 16.2% yang tidak bekerja tetap atau berstatus kontrak dan sementara. Didapati seramai 40 responden yang mewakili 54.0% memperoleh pendapatan bulanan RM1,000 ke bawah. Responden yang memperoleh pendapatan bulanan antara RM3,001 hingga RM5,000 seramai 23 orang atau 31.1%. Manakala yang memperoleh jumlah pendapatan bulanan RM1001 hingga RM3000 seramai 8 orang atau 10.8% dan pendapatan bulanan antara RM5,001 hingga RM7000 seramai 2 orang atau 2.7%. Baki seramai 1 orang responden atau 1.4% yang memiliki pendapatan bulanan antara RM7,001 hingga RM9000.

Didapati responden yang memiliki bilangan ahli rumah antara 1 hingga 3 orang adalah 34 orang (45.9%), diikuti 26 orang (35.1%) antara 4 hingga 6 orang. Manakala responden yang memiliki ahli rumah antara 7 hingga 9 orang adalah 13 orang (17.6%) dan yang memiliki 10 orang ahli rumah ke atas hanya 1 orang atau 1.4%. Didapati responden adalah terdiri daripada 47 orang berstatus bujang atau tidak berkahwin yang mewakili 63.5.0%. sejumlah 27 responden yang mengisi borang soal selidik ini pula terdiri daripada mereka yang sudah berkahwin dan mewakili 36.5% keseluruhan responden

Didapati responden yang memiliki kelulusan Sarjana Muda seramai 33 orang (44.6%), berkelulusan PhD seramai 20 orang (27.0%), SPM 13 orang (17.6%), Diploma 5 orang (6.8%) dan STPM seramai 3 orang atau 4.1% Didapati responden yang bersekolah dari aliran agama adalah seramai 26 orang (35.1%), diikuti aliran kebangsaan 25 orang (33.8%), aliran saing 21 orang (28.4%) dan teknikal seramai 2 orang atau 2.7%.

Sikap Masyarakat Islam Sarawak Terhadap Pemilihan Makanan Halal

Sikap dan sensitiviti masyarakat Islam Sarawak terhadap promosi halal berkaitan produk yang disahkan halal dan bersih termasuk premis jualan dan sumber makanan halal merupakan kajian yang diajukan kepada masyarakat Islam Sarawak. Ia bertujuan mengetahui sejauhmana amalan terhadap pemilihan makanan harian mereka. Ini termasuklah mengenalpasti makanan berlogo halal, amalan memilih premis jualan halal, makanan halal, pusat sembelihan halal, faktor halangan memilih makanan halal di premis jualan, kerjasama dan minat mereka terhadap pemilihan produk halal, bagaimana mereka menentukan barangan makanan yang pelbagai terutamanya makanan yang bercampur aduk dengan benda-benda haram yang dilarang syarak dan membeli makanan di premis bukan Islam walaupun yang berlogokan halal. Analisa mengenai sikap masyarakat Bintulu dapat diperhatikan melalui jadual di bawah:

| Item | Bil | % |
|---------------|-----------|------------|
| Amat Setuju | 44 | 59.5 |
| Setuju | 30 | 40.5 |
| Jumlah | 74 | 100 |

Jadual 1a: Sensitiviti Responden Terhadap Promosi Halal

Jadual di atas menunjukkan 44 responden mewakili 59.5% amat bersetuju bahawa pelaksanaan promosi halal amat penting dan wajar dilakukan kerana kondisi masyarakat majmuk dan etnik yang rencam dengan budaya dan adat serta kepercayaan menyukarkan mereka membuat pemilihan makanan halal tanpa wujudnya promosi halal. Manakala 30 orang responden atau 40.5% hanya bersetuju dengan pernyataan di atas. Ini menunjukkan sensitiviti responden terhadap promosi halal dapat menghilangkan keraguan dan rasa was-was di hati responden dalam menentukan makanan atau premis jualan yang halal seterusnya mengalakkan pengusaha makanan memastikan produk yang dijual adalah menepati kriteria halal kerana ia berupaya menarik pelanggan Islam ke premis mereka. Penulis turut bersetuju dengan respon yang diutarakan responden. Hal ini berdasarkan pengalaman penulis sendiri yang telah berkhidmat di bumi Sarawak selama 10 tahun (2003-2013) yang mana agak sukar memilih makanan halal di premis-premis jualan termasuk pusat sembelihan lantaran tiada logo halal dipamerkan atau ada logopun tidak mengikut piawaian yang diluluskan JAKIM. Kehadiran pekerja-pekerja dari semenanjung antaranya guru, jurutera, usahawan, peniaga dan lain-lain agensi berjaya memupuk keprihatinan dan rasa sensitiviti terhadap premis dan produk halal di Kuching dan Bintulu.

| Item | Bil | % |
|---------------------|-----------|------------|
| Amat Setuju | 4 | 5.4 |
| Setuju | 13 | 17.5 |
| Tidak Setuju | 54 | 73.0 |
| Sangat Tidak Setuju | 3 | 4.0 |
| Jumlah | 74 | 100 |

Jadual 2a: Pengaruh Sibuk adalah Halangan Untuk Memilih Kedai yang Berlogo Halal

Berdasarkan Jadual 2a di atas, peratus responden memberikan jawapan setuju dan amat setuju adalah berjumlah 22.9%. ini bermakna masyarakat Islam Bintulu Sarawak tidak menafikan kesibukan kerja harian menjadi halangan atau punca untuk mengenalpasti dan memilih kedai-kedai makanan atau premis jualan makanan atau produk yang bertanda halal. Jika dibandingkan dengan peratusan tidak setuju dan sangat tidak setuju bezanya agak jauh juga iaitu sebanyak 79.0%.

Kenyataan ini menepati dengan pandangan Ustaz Khalidi Khalid, Ibrahim Mat Isa dan Awangku Umar Awangku Ali kepada penulis tentang pengaruh kesibukan walaupun ia menjadi punca masyarakat Islam Sarawak kurang mengambil inisiatif tentang barangan halal tetapi peratusannya agak rendah berbanding dengan sebahagian besar yang turut sensitif dengan produk halal, terutama masyarakat pendatang yang terdiri daripada para guru dan pekerja di sektor besar seperti ABF, LMNG, dan lain-lain.

| Item | Bil | % |
|---------------------|-----------|------------|
| Amat Setuju | 8 | 10.8 |
| Setuju | 9 | 12.2 |
| Tidak Setuju | 44 | 59.5 |
| Sangat Tidak Setuju | 13 | 17.5 |
| Jumlah | 74 | 100 |

Jadual 3a: Masyarakat Tempatan Tidak Memberi Kerjasama dalam Aktiviti Promosi Halal

Dapatan menunjukkan seramai 44 responden mewakili 59.5% menyatakan tidak setuju, diikuti 13 responden atau 17.5% menyatakan sangat tidak setuju masyarakat tempatan tidak memberi kerjasama dalam aktiviti promosi halal. Jika dibandingkan responden yang menyatakan amat setuju hanya 8 responden atau 10.8% dan setuju 9 responden atau 12.2% sahaja.

Penghayatan Individu dalam Pemilihan Makanan Halal

Dalam pemilihan makanan halal, mengenalpasti ciri dan perkara yang tidak halal, cubaan pihak tertentu mengaut keuntungan dengan memalsukan logo halal atau menggunakan lambang halal yang sudah tamat tempoh akan terus berleluasa sekiranya dalam diri masyarakat Islam tiada asas didikan agama yang mengajar masyarakat Islam tahu membezakan antara yang halal dan tidak halal, baik atau buruk, bersih atau kotor, malahan benda-benda najis dalam bentuk moden atau yang sudah diproses seperti pembuatan tali kasut atau alat berus gigi daripada enzim khinzir atau bulu haiwan yang dilarang dalam Islam. Dalam perkara ini pengkaji telah membuat soal selidik terhadap individu mengenai kefahaman dan pengamalan ajaran Islam dalam kalangan mereka. Antara yang disentuh iaitu memahami maksud logo halal yang diluluskan JAKIM, peranan institusi keluarga dalam pendidikan halal dan sejauhmana pendekatan yang dipraktikkan dalam usaha dakwah kepada masyarakat Islam Sarawak.

| Item | Bil | % |
|---------------------|-----------|------------|
| Amat Setuju | 9 | 12.6 |
| Setuju | 35 | 47.1 |
| Tidak Setuju | 25 | 33.8 |
| Sangat Tidak Setuju | 5 | 6.8 |
| Jumlah | 74 | 100 |

Jadual 1b: Memahami Maksud Logo Halal

Seramai 35 orang responden atau 47.1% bersetuju bahawa mereka boleh memahami maksud logo halal dengan baik dan tahu membezakan antara logo halal yang betul atau palsu. Manakala 9 responden atau 12.6% turut mengemukakan pernyataan amat setuju berkaitan isu di atas. Seramai 25 orang atau 33.8% pula tidak boleh memahami maksud logo halal dan 5 responden atau 6.8% turut menyatakan mereka tidak berupaya memahami maksud logo halal yang betul. Situasi ini menunjukkan wujud dan ada jurang perbezaan yang agak kritikal juga antara responden yang boleh memahami maksud logo halal dan yang tidak memahaminya. Ketidakupayaan memahami maksud logo halal akan memberi kesan kepada penghayatan dan amalan masyarakat Bintulu Islam dalam memilih makanan yang halal.

| Item | Bil | % |
|---------------------|-----------|------------|
| Amat Setuju | 2 | 2.7 |
| Setuju | 55 | 74.3 |
| Tidak Setuju | 16 | 21.6 |
| Sangat Tidak Setuju | 1 | 1.4 |
| Jumlah | 74 | 100 |

Jadual 2b: Peranan Institusi Keluarga dalam Pendidikan Halal

Keperihatinan dan peranan ahli keluarga seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2b di atas menunjukkan peratusan yang tinggi iaitu seramai 55 orang responden atau 74.3% menyatakan setuju diikuti amat setuju seramai 2 orang atau 2.7%. Berbanding yang menyatakan tidak setuju hanya 16 orang mewakili 21.6% dan sangat tidak setuju 1 orang atau 1.4%. Pernyataan ini membuktikan bahawa institusi keluarga perlu memainkan tanggungjawab penting dalam memberi pendidikan tentang halal kepada ahli keluarga terdekat.

| Item | Bil | % |
|---------------------|-----------|------------|
| Amat Setuju | 10 | 13.5 |
| Setuju | 6 | 8.10 |
| Tidak Setuju | 55 | 74.3 |
| Sangat Tidak Setuju | 3 | 4.0 |
| Jumlah | 74 | 100 |

Jadual 3b: Pendekatan Prasarana Dakwah

Berdasarkan Jadual 3b di atas, pendekatan dakwah secara ceramah menerusi pelbagai medium sama ada media cetak atau media elektronik amat mempengaruhi masyarakat Bintulu Islam termasuk seminar-seminar, pameran barangan halal dan logo halal mendapat sambutan tinggi masyarakat tempatan dan ditunjukkan oleh data responden yang menyatakan amat setuju 10 orang responden mewakili 13.5% dan diikuti 6 orang responden atau 8.10%. Manakala responden yang menyatakan tidak setuju selain medium ceramah dengan pelbagai pendekatan digunakan amat tinggi iaitu 55 orang responden atau 74.3% dan sangat tidak setuju seramai 3 orang atau 4.0%.

Peranan Badan-Badan Dakwah

Badan-badan dakwah yang diertikan di sini meliputi agensi dakwah kerajaan seperti JAKIM, JAIS, Tabung Baitul Mal Sarawak (TBS), Majlis Islam Sarawak (MIS) dan lain-lain badan-badan kerajaan, juga badan-badan dakwah bukan kerajaan atau NGO antaranya Harakah Islamiah (HIKMAH), Persatuan Cina Islam (MACMA), Unit Saudara Kita (USK), badan-badan kebajikan Islam swasta seperti Bintulu Port, Bintulu Iqra' Centre dan lain-lain termasuk badan-badan persendirian dan individu masing-masing perlu ada usaha dan komitmen menyampaikan dakwah Islam termasuk isu-isu halal dalam segala aspek, makanan, premis makanan, sumber makanan dan produktiviti termasuk proses pembuatan makanan dan penggunaan logi yang dibenarkan JAKIM.

| Item | Bil | % |
|---------------------|-----------|------------|
| Amat Setuju | 13 | 17.6 |
| Setuju | 40 | 54.0 |
| Tidak Setuju | 9 | 12.1 |
| Sangat Tidak Setuju | 12 | 16.2 |
| Jumlah | 74 | 100 |

Jadual 1c: Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS)

Jadual 1c di atas menunjukkan seramai 40 responden atau 54.0% bersetuju menyatakan peranan Jabatan Agama Islam Bahagian Bintulu termasuk badan-badan dakwah kerajaan atau NGO amat penting dalam menjalankan sesi-sesi penerangan terhadap penggunaan logo halal, mengemaskini data-data produk, premis dan pusat-pusat sembelihan halal, makanan import yang disahkan selamat, bersih dan halal. Seramai 13 responden atau 17.6% menyatakan amat setuju. Manakala responden yang tidak bersetuju hanya 9 orang atau 12.1% dan sangat tidak setuju seramai 12 orang atau 16.2%

| Item | Bil | % |
|---------------------|-----------|------------|
| Amat Setuju | 28 | 38 |
| Setuju | 30 | 40.5 |
| Tidak Setuju | 9 | 12.1 |
| Sangat Tidak Setuju | 7 | 9.6 |
| Jumlah | 74 | 100 |

Jadual 2c: Guru Agama, Guru j-QAF, Imam, Bilal, Merbok, Pegawai Agama Golongan yang Mudah Didekati

Para guru-guru agama dan pendidikan Islam, guru-guru j-QAF, para imam, bilal, merbok, pegawai-pegawai agama dan pendakwah adalah insan yang mudah didekati masyarakat dan sewajarnya mengambil ruang ini untuk menjelaskan isu halal dalam aspek pemilihan makanan dan sentiasa awasi dengan makanan daripada sumber yang diragui. Mereka berperanan menghidupkan kuliah-kuliah pengajian agama antara maghrib dengan isya', kuliah subuh, ceramah jemputan dengan pengisian-pengisian ilmu tentang halal dalam Islam. Merujuk kepada laporan soal selidik yang dijalankan didapati seramai 30 responden atau 40.5% menyatakan setuju dan amat setuju seramai 28 orang atau 38% golongan yang dinyatakan di atas memang diakui masyarakat tempatan mudah didekati dan mesra rakyat.

Faktor Mempengaruhi Sensitiviti Masyarakat Terhadap Produk Halal

Setiap perkara yang baik sudah pasti ada halangan dan cabarannya termasuk dalam menanam kesedaran pengguna Islam untuk memilih makanan yang halal sahaja dan sentiasa sensitif dengan corak penyediaan makanan dan makanan basah dibeli daripada kedai-kedai yang berada di bahagian-bahagian Sarawak. Dalam kajian ini penulis akan melihat sejauhmana isu-isu itu dapat diatasi dengan baik.

| Item | Bil | % |
|---------------------|-----------|------------|
| Amat Setuju | 23 | 31 |
| Setuju | 33 | 45 |
| Tidak Setuju | 12 | 16.2 |
| Sangat Tidak Setuju | 6 | 8.1 |
| Jumlah | 74 | 100 |

Jadual 1d: Kefahaman Tentang Halal dan Logo Halal

Merujuk Jadual 1d peratusan responden menyatakan amat setuju dan setuju agak tinggi, masing-masing menunjukkan responden seramai 23 orang atau 31.0% menyatakan amat setuju dan 33 responden atau 45.0% menyatakan amat setuju. Ini menunjukkan masyarakat Islam Sarawak menyatakan amat perlu mereka memahami terlebih awal tentang isu pemahaman halal. Sekiranya dibandingkan dengan tidak setuju atau sangat tidak setuju hanya 12 orang atau 16.2% dan 6 orang atau 8.1%.

| Item | Bil | % |
|---------------------|-----------|------------|
| Amat Setuju | 22 | 29.7 |
| Setuju | 34 | 45.9 |
| Tidak Setuju | 13 | 17.56 |
| Sangat Tidak Setuju | 5 | 6.7 |
| Jumlah | 74 | 100 |

Jadual 2d: Lambakan Produk Tidak Halal dan Nilainya yang Murah

Dalam Jadual 2d di atas menunjukkan seramai 34 responden atau 45.9% menyatakan setuju bahawa lambakan produk tidak halal dan nilainya yang murah mempengaruhi sikap dan sensitiviti pembeli. Seramai 22 responden atau 29.7% menyatakan amat setuju. Manakala seramai 13 responden atau 17.56% menyatakan tidak setuju dan 5 responden mewakili 6.7% menyatakan sangat tidak setuju.

Berdasarkan perkembangan Kuching dan Bintulu ke arah menjadi bandar Indrapolis, banyak pembangunan berlaku dan juga kerancakan pertumbuhan termasuk pembangunan fizikal seperti terbinanya bangunan-bangunan, kedai-kedai makanan dan restoran serta premis-premis hotel dan kunjungan pelancong dari luar dan dalam Sarawak menjadi punca pendapatan dan pertumbuhan ekonomi yang mapan. Berdasarkan temubual penulis dengan Ustaz Ahzar Hipni, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam di JAIS beliau menyatakan banyak kejadian yang menimbulkan rasa ragu umat Islam terutama dalam isu mendapatkan sumber

makanan yang halal di premis-premis jualan masyarakat bukan Islam seperti di pasaraya-pasaraya sekitar bandar-bandar besar. Terdapat bungkus-bungkus makanan basah seperti daging ayam dan lain-lain yang tidak dibungkus dengan balutan yang mempunyai logo halal. Terdapat ayam yang disembelih pada asalnya halal dan diambil daripada pusat sembelihan halal yang terdapat di mana-mana bahagian Sarawak, tetapi disebabkan ia dijual di pasaraya milik bukan Islam dan tiada tanda logo menimbulkan keraguan dan menjadikan mereka tidak membeli lantaran timbul rasa ragu, meskipun telah diterangkan panjang lebar oleh pemilik-pemilik pasaraya.

Pada masa yang sama juga terdapat lambakan produk tidak halal yang sukar dibezakan dan harganya pula menarik minat pembeli. Tanpa melihat kehalalan dan kebersihan, pembeli terus membelinya, terutama pada musim-musim perayaan besar Islam seperti sambutan Ma'al Hijrah, Maulidur Rasul, Aidil Adha, Aidil Fitri, Majlis Akikah dan lain-lain. Terdapat jualan makanan, minuman, bahan basah yang dijual dengan harga promosi dan murah hingga menyebabkan pembeli terus membeli dan yang paling teruk apabila ada sebahagian yang tidak bertanya status produk tersebut. Terdapat juga di restoran-restoran makanan milik bukan Islam terdapat penjualnya bertudung turut sama menjual makanan dengan berkongsi kedai yang dijual dengan makanan tidak halal. Bagi sebahagian pengguna asalkan penjual bertudung ia sudah dianggap halal dan boleh makan di restoran tersebut.

Menurut Ustazah Rohani Ismail, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, pernah terjadi di mana seorang kakitangan kerajaan makan di restoran yang bernama Restoran Amoi di salah sebuah tempat di kawasan Medan Jaya. Pada waktu siang dengan berpakaian kerja beliau makan di restoran tersebut, lagipun beliau merupakan pekerja yang baharu bertukar dari Semenanjung, tetapi beliau juga merasa pelik semasa makan di situ kerana ramai mata yang memandangi. Pada malam pula beliau pergi makan di Restoran Amoi selepas balik menunaikan sembahyang Maghrib di Masjid dengan memakai ketayap dan kain pelikat serta berbaju Melayu. Apa yang terjadi beliau telah ditegur dan dimaklumkan bahawa restoran ini tidak halal bagi orang Islam. Terkejut yang amat sangat dan beliau mempersoalkan siang tadi beliau makan di situ tetapi tiada seorangpun yang menegur atau menghalangnya. Kata pelayan kedai tadi, siang tadi beliau berpakaian kerja dan tidak menampakkan ciri-ciri orang Islam tetapi sekarang dengan memakai ketayap dan kain pelikat memperlihatkan beliau sebagai orang Islam lalu ditegur. Beginilah situasi yang terjadi, mungkin banyak lagi peristiwa lain yang terjadi tetapi tidak diketahui atau dimaklumkan kepada JAIS Sarawak.

| Item | Bil | % |
|---------------------|-----------|------------|
| Amat Setuju | 16 | 21.6 |
| Setuju | 32 | 43.2 |
| Tidak Setuju | 14 | 18.9 |
| Sangat Tidak Setuju | 12 | 16.2 |
| Jumlah | 74 | 100 |

Jadual 3d: Pandangan Responden Terhadap Promosi Produk Halal Begitu Kurang

Pernyataan di atas menunjukkan sebahagian daripada responden yang ditemubual bersetuju dengan promosi produk halal begitu kurang dan ada yang tidak tahu membezakan antara yang halal dan tidak halal. Seramai 32 orang mewakili 43.2% menyatakan setuju dan 16 orang atau 21.6% menyatakan amat setuju berkaitan pernyataan ini. Manakala seramai 14 responden atau 18.9% menyatakan pendirian tidak setuju, diikuti 12 orang mewakili 16.2% menyatakan sangat tidak setuju.

| Item | Bil | % |
|---------------------|-----------|------------|
| Amat Setuju | 34 | 45.9 |
| Setuju | 14 | 18.9 |
| Tidak Setuju | 20 | 27.0 |
| Sangat Tidak Setuju | 6 | 8.1 |
| Jumlah | 74 | 100 |

Jadual 4d: Larangan Meletakkan Logo yang Tidak Disahkan JAKIM atau Tamat Tempoh

Responden dan maklumbalas yang diterima daripada hati nurani responden yang ditemubual agar mana-mana premis jualan sama ada premis jualan milik orang Islam atau bukan Islam perlu meletakkan tanda logo halal dan melarang sama sekali pengusaha barangan makanan atau produk untuk kegunaan harian masyarakat Islam Bintulu meletakkan lambang logo yang mengelirukan, tiada kelulusan JAKIM atau JAIS atau lesen halal yang sudah tamat tempoh. Fenomena hasrat warga Islam Sarawak ini ditunjukkan menerusi dapatan yang menunjukkan seramai 34 responden mewakili 45.9% menyatakan amat setuju dan diikuti 14 responden atau 18.9% agar pengusaha dilarang mempamerkan logo yang tidak halal atau tamat tempoh. Manakala seramai 20 orang atau 27.0% menyatakan tidak setuju, diikuti 6 orang atau 8.1% menyatakan sangat tidak setuju.

Rumusan dan Cadangan

Hasil daripada penyelidikan awal ini meliputi setiap persoalan yang dibincangkan, dapatlah penulis rumuskan kepada aspek-aspek berikut:

- Pelaksanaan promosi halal amat penting dilakukan dari semasa ke semasa lebih-lebih lagi di Bumi Kenyalang yang rata-ratanya ramai pelawat dan pekerja dari Semenanjung yang berkhidmat di sana.
- Kadang-kadang faktor kesibukan kerja harian menghalang masyarakat Islam Sarawak menambah ilmu halal melalui pembacaan di ruangan maya atau fizikal.
- Masyarakat tempatan memberi kerjasama baik terhadap mana-mana aktiviti promosi halal yang diadakan di mana-mana bahagian Sarawak.
- Terdapat sebahagian masyarakat Islam Sarawak memahami maksud logo halal dengan baik, halal betul atau palsu.
- Institusi keluarga perlu meningkatkan kefahaman terhadap ahli keluarga peri penting memilih barangan halal.
- Pendekatan dakwah perlu flexibel sesuai dengan perkembangan globalisasi dan arus permodenan yang kadang-kadang mengaburi mata antara barangan hala atau sebaliknya.
- Peranan jabatan-jabatan agama Islam bahagian penting dalam memastikan amalan penggunaan logo halal, mengemaskini data-data produk, premis dan pusat-pusat sembelihan halal, makanan import yang disahkan selamat, bersih dan halal sentiasa dikawal dan dipantau
- Semua lapisan masyarakat yang terdiri daripada guru-guru agama dan orang Islam perlu peka pada setiap masa demi memastikan pemakanan yang bersih dan darah daging yang tumbuh adalah bersumberkan makanan yang baik, bersih lagi halal.
- Pemahaman halal wajar dititiberatkan kepada semua masyarakat Islam Sarawak.
- Lambakan produk tidak halalnya dan nilainya yang murah mempengaruhi sikap dan sensitiviti pembeli.
- Promosi produk halal begitu kurang dan ada yang tidak tahu membezakan antara yang halal dan tidak halal.

- Perlu meletakkan tanda logo halal dan melarang sama sekali pengusaha barangan makanan atau produk melabelkan lambang logo yang mengelirukan dan perlu ada kelulusan pihak JAKIM atau JAIS serta mempertingkatkan lagi tahap kesedaran dan penghayatan pemakanan sunnah dan halal tayyiban.

Kesimpulan

Berdasarkan penulisan ini diharapkan kesedaran tentang konsep halal, amalan dan praktisnya menjadi keutaman dalam apa jua tindakan serta memastikan kehidupan orang Islam berlandaskan syarak tanpa syak dan ragu. Beberapa pendekatan promosi halal dan kepenggunaanya perlu dipertingkatkan bersesuaian dengan perkembangan zaman. Kewujudan Unit Halal, Institut Penyelidikan Halal dan pengajian yang menawarkan pembelajaran tentang menghasilkan produktiviti yang halal juga perlu ditekankan demi membentuk jati diri dan jiwa serta rohani yang bersih dan tidak bercampur aduk antara yang hak dan batil. Pemilihan makanan yang halal, mengenalpasti cara penyediaan makanan, peralatan yang digunakan, mengkaji dari semasa ke semasa tentang produk halal yang baharu atau yang sudah ditamatkan pengesahan sijil halal amat perlu ditekankan. Sehubungan itu masyarakat Islam Sarawak akan sentiasa memperolehi makanan yang baik lagi halal.

Rujukan

Awangku Umar Awangku Ali. Masyarakat Awam Sarawak. Temubual pada 10 Mei 2013

Azhar Hipni. Pegawai Agama JAIS. Temu bual pada 23 Ogos 2013

Ibrahim Mat Isa. Guru Pendidikan Islam. Temubual pada 1 Januari 2013

Khalidi Khalid. Penolong Pegawai Agama. Temubual pada 25 Jun 2013 dan 27 Jun 2013

Najihah Abd Mutalib. Pensyarah Universiti. Temubual pada 15 Februari 2014